

1103/1

1103/1

Bahasa
Melayu
Kertas 1
September 2014
2 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2014

BAHASA MELAYU

Tingkatan 5

KERTAS 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak

1103/1© 2014 Hak , Kuantan Cipta MPSM Kuantan



<http://edu.joshuatly.com/>
[facebook.com/edu.joshuatly](https://www.facebook.com/edu.joshuatly)

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor kejayaan seorang usahawan di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN SEORANG USAHAWAN

Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Sambutan Hari Ibu diadakan pada setiap tahun demi menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Sebagai anak yang penyayang, jelaskan usaha-usaha yang anda lakukan untuk menzahirkan rasa kasih sayang tersebut.

2. Kemalangan jalan raya masih menunjukkan statistik yang membimbangkan. Selaku pegawai di jabatan pengangkutan jalan, anda diminta menyampaikan sebuah ceramah kepada golongan belia di tempat anda. Tajuk ceramah tersebut ialah “Kemalangan Jalan raya Berpunca daripada Sikap Pemandu itu Sendiri”.

Sediakan teks ceramah itu selengkapnya.

3. Dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di seluruh negara, aspek keselamatan murid sekolah diutamakan melalui pelaksanaan Program Sekolah Selamat.

Pada pendapat anda, nyatakan kebaikan-kebaikan pelaksanaan program tersebut.

4. Dalam usaha memburu kemewahan hidup, segelintir remaja didapati terjebak dalam kegiatan keldai dadah pada peringkat antarabangsa.

Pada pendapat anda mengapakah fenomena tersebut berlaku?

5. Membaca karya-karya sastera boleh membentuk jati diri seseorang.

Bincangkan faedah-faedah yang diperolehi daripada pembacaan karya-karya tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHASA MELAYU
TINGKATAN 5
KERTAS 2

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha menyuburkan amalan berbudi bahasa dan kekangan yang dihadapi**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak **melebihi 120 patah perkataan**.*

Kempen budi bahasa yang dilancarkan pada 11 Januari 2005 merupakan satu kempen yang hakikatnya berusaha memperbaiki sikap negatif masyarakat kita sama ada dalam keluarga, sesama anggota masyarakat, harta benda dan alam sekitar. Kempen ini merupakan agenda kerajaan dalam usaha melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudi bahasa dan ramai yang menyambut baik kempen ini dan berharap kempen ini berterusan dalam jangka masa panjang.

Untuk itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menggerakkan semula kempen Rumahku Syurgaku memandangkan kempen ini dianggap berjaya dan perlu diaktifkan demi mencapai misinya untuk melahirkan masyarakat penyayang dan harmoni. Demi meneruskan kelangsungan institusi keluarga yang bahagia di samping terhindar daripada sebarang gejala tidak sihat, pelbagai pihak mesti meneruskan usaha menyemai sikap positif dalam kehidupan seharian mereka. Manakala dalam hidup bermasyarakat bagi sebuah negara yang menuju pembangunan pesat, segala tingkah laku negatif individu mesti dibuang jauh-jauh supaya negara kita tidak dilabel dengan pelbagai gelaran tidak baik.

Kempen yang telah dan sedang digerakkan di negara kita mesti dihayati dan dipraktikkan terutamanya kempen yang menekankan pentingnya nilai murni dalam kehidupan seharian. Kempen Cintailah Sungai Kita menggalakkan masyarakat memelihara kelestarian sungai, Budi Bahasa Budaya Kita pula memupuk masyarakat hidup makmur dan Masyarakat Penyayang membentuk masyarakat toleransi. Sebenarnya kempen ini sudah cukup untuk membuktikan kita sudah begitu prihatin mengenai kepentingan amalan baik dalam hidup bermasyarakat.

Televisyen perlu lebih banyak menyiarkan rancangan bercorak keagamaan, moral dan mengurangkan rancangan hiburan melampau serta filem ganas yang tidak sesuai untuk anak-anak muda. Iklan mengenai peri pentingnya budi bahasa, nilai murni dan hubungan baik antara masyarakat mesti dipertingkatkan dengan harapan generasi muda dapat menjadikannya sebagai panduan. Siaran media yang lebih bertanggungjawab ini akan mendorong masyarakat ke arah lebih positif. Ibu bapa mesti memainkan peranan lebih aktif memantau anak remaja mereka supaya tidak terjebak dengan gejala tidak sihat. Golongan muda mesti ditanam dengan nilai murni supaya dapat dipraktikkan apabila mereka berdepan dengan orang ramai.

Di samping pendidikan agama dan moral, pengukuhan dalam pendidikan akademik sangat penting untuk anak-anak. Jika anak-anak terpacu dalam pendidikan, mudah bagi mereka menjadi liar dan terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Sebagai institusi pendidikan, sekolah dan pusat pengajian lain mesti mempertingkatkan kefahaman pelajar tentang nilai murni menerusi pelbagai subjek yang diajar. Pelbagai aktiviti luar mesti diperbanyak oleh pihak sekolah termasuk mendedahkan kepada mereka mengenai kebejatan sosial dan mereka perlu dijelaskan tentang punca berlakunya masalah tersebut, kesannya dan cara menanganinya.

Golongan muda mesti mempunyai rasa hormat terhadap persekitaran di sekeliling mereka misalnya kepada alam sekitar, negara, masyarakat, apatah lagi ibu bapa. Mereka mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas daripada sebarang masalah dengan cara tidak membabitkan diri dengan aktiviti tidak sihat. Golongan muda pula mesti menyedari bahawa mereka juga mempunyai peranan besar untuk merealisasikan hasrat menjadikan masyarakat kita terkenal di peringkat lebih jauh. Menghormati orang yang lebih tua adalah satu nilai murni dan tentunya memudahkan mereka menghormati yang lain termasuk undang-undang yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, amalan budi bahasa, hormat-menghormati tidak kira peringkat usia, pangkat dan kedudukan akan melahirkan masyarakat *menepati aspirasi* negara. Amalan budi bahasa menjadi cerminan rakyat negara ini agar menjadi elemen utama memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk seterusnya menjadi pemangkin pembangunan negara ke arah negara maju.

(Diubah suai daripada Rencana “Kempen Budi Bahasa Perlu Disemarakkan” Harian Metro 9 April 2011)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata “menepati aspirasi” dalam petikan tersebut.

[2 markah]

(ii) Nyatakan tiga kempen yang dapat membuktikan keprihatinan kita terhadap amalan baik dalam hidup bermasyarakat.

[3 markah]

(iii) Nilai-nilai budi bahasa penting dalam pembangunan sesebuah negara. Huraikan dua kepentingan nilai budi bahasa.

[4 markah]

Soalan 2(b) – Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DOLAH : Mengapa emak menangis, emak?

MAYAT IBU DOLAH: Dolah, anakku, kerana kautanam emak di tempat yang jijik di bawah rumah, badan emak tak boleh reput. Roh emak menangis. Tanah itu telah dicemar. Tanah bernajis. Bawalah emak balik ke kubur yang telah ditetapkan. Ada dagang lalu menghadaikan *Fatihah*. Mintalah ampun daripada Allah. Bertaubatlah. Jika kampung ini tidak sesuai dengan kamu, Dolah anakku, berhijrahlah. *Istighfar*, nak.

DOLAH termangu begitu rupa sehingga tidak sedar yang mayat ibunya tiada lagi di situ. Pergerakan ini haruslah digubah dengan bererti. Genderang mengiring.

DOLAH : *(Agak kehilangan akal pada mulanya tetapi tiba-tiba dia berkata)*
Ya Allah, ampunilah dosaku. Berilah aku rahmat-Mu.

Kemudian, DOLAH membaca surah al-Falaq dengan suara yang nyaring. DOLI dan periuk emas tiada lagi di situ. Genderang .DOLAH keluar dari situ. Kemudian, nampak dia mendukung mayat ibunya penuh mesra dan kesedihan. Dia duduk, memeluk mayat ibunya sambil menangis. Sejenak. Didukung semula mayat ibunya dan dibawa keluar.

Dipetik daripada drama '1400'
oleh Noordin Hassan
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Mengapakah emak Dolah menangis?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah peranan ibu dalam membentuk akhlak terpuji anak-anak.
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** nilai yang lain daripada keseluruhan drama itu.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dan lalu berkhabar Daeng Matak, “Saya ini serba salah, hendak balik ke dalam kota menghadap Panembahan Agung bersama-sama dengan Daeng yang berlima bersaudara saya malu, kerana *saya disuruh menegahkan* Opu Daeng yang berlima masuk ke dalam kota. Demikianlah perintah Panembahan Agung kepada saya. Jikalau boleh, dengan yang lembut, jikalau tiada boleh dengan lembut atau dengan yang keras, ditahankan juga seboleh-bolehnya.”

Maka dijawab oleh Opu Daeng yang berlima bersaudara, “Bulan dahulu saya hendak masuk ke dalam kota bersama-sama Sultan Muhammad Zainuddin hendak mintakan ampun Sultan Muhammad Zainuddin, tiada diterima, lalu ditonggongkan saya semuanya hilir tiada boleh bertangguh dengan sebentar itu juga. Lalu hilir, dan kepada waktu hari ini tiadalah boleh ditegahkan lagi saya berlima bersaudara ini; saya hendak masuk ke dalam kota seboleh-bolehnya, meski jadi bertikam sekali apanyalah. Tetapi saya berlima, awak seorang dan seperti orang Bugis dan orang Matan,” itulah khabarnya Haji Hafiz.

(Dipetik daripada ‘Hikayat Opu Daeng Menambun’ dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka*)

- (i) Berikan maksud *saya disuruh menegahkan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, jelaskan mengapakah Opu Daeng yang berlima bersaudara akan tetap masuk ke dalam kota Panembahan Agung walaupun terpaksa menggunakan senjata? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu taat kepada pemimpin? [3 markah]

Soalan 2 (d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindan 12 Fasal yang Keenam

Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahukan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiawan.

Abu Hassan Sham (Penyelenggara)

Puisi-puisi Raja Ali haji, 1963 dalam antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud **rangkap kedua** gurindam tersebut. [2 markah]
- (ii) Rangkap pertama gurindam memberi nasihat cara mencari sahabat.
Jika anda ingin mencari sahabat, apakah ciri-ciri sahabat sejati yang menjadi pilihan anda? [3 markah]
- (iii) Huraikan dua persoalan yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]
Jawab *semua* soalan

(a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda **tidak boleh menambahkan imbuhan** atau **menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas**.

- (i) pusat
- (ii) pusaran
- (iii) pecah
- (iv) pecahan
- (v) punggah
- (vi) punggahan

[6 markah]

(b) **Gabungkan ayat-ayat tunggal** di bawah supaya menjadi **satu ayat majmuk**.

- (i) a- Nabila termenung di tepi jendela.
b- Nabila teringatkan kisah silam.
- (ii) a- Kejayaan kajian itu hasil usaha sama semua pihak.
b- Kejayaan kajian itu hasil kegigihan semua pihak.
- (iii) a- Ibu sedang memanaskan gulai kambing.
b- Kakak membasuh pakaian kotor.
- (iv) a- Syukran tidak pergi ke padang bola.
b- Syukran menonton televisyen di rumah.
- (v) a- Farah ingin membeli komputer riba baharu ?
b- Farah ingin membeli telefon tangan baharu ?

- (vi) a- Kerajaan telah memberi amaran tegas.
b- Amaran itu diberi kepada pemilik kenderaan persendirian.
c- Mereka dikehendaki memasang tali pinggang keselamatan ketiga.

[6 markah]

1103/2© 2014 Hak Cipta MPSM Kuantan

- (c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- (i) Walaupun negara Malaysia sudah puluh tahun mencapai kemerdekaan namun semangat nasionalisma masih perlu dipupuk dalam kalangan rakyat.
- (ii) Salah satu keunikan masyarakat di negara kita ialah kegunaan dailek yang pelbagai berdasarkan faktor keturunan, tempat dan juga budaya.
- (iii) Jawatan kuasa pertandingan pidato peringkat daerah telah menghadkan penyertaan bagi pertandingan tersebut kepada murid-murid menengah atas sahaja.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Para hadirin yang berada di dalam dewan telah diminta untuk meninggalkan tempat tersebut dengan segera oleh pihak bomba.
- (ii) Pengetua Sekolah- Pengetua Sekolah disarankan menggunakan kaedah yang sesuai bagi membaiki masalah disiplin di sekolah.
- (iii) Setengah pelajar sukar untuk memasuki aktiviti kemasyarakatan kerana kekangan masa.

[6 markah]

1103/2© 2014 Hak Cipta MPSM Kuantan

(e) Baca setiap petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan satu peribahasa berdasarkan setiap situasi tersebut.

(i) Negara Malaysia menjadi tumpuan pekerja-pekerja dari negara jiran untuk mencari rezeki.

(ii) Izati suka mencari pengalaman hidup dengan berhijrah di merata-rata tempat namun dia tetap berusaha menghormati adat istiadat tempat tersebut.

(iii) Sejak Syafiq dinaikkan pangkat menjadi mandur lagaknya mengalahkan ketua jabatan.

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab **kedua-dua** soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang pernah anda pelajari.

- (i) *Afza Hanani Tiga* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.
 - (ii) *Papa.... Akhirnya Kau Tewas* karya Deana Yusof
 - (iii) *Renyah* karya Gunawan Mohamad
 - (iv) *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah
 - (v) *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L.Kadir
 - (vi) *Interlok* karya SN Abdullah Hussain
 - (vii) *Sutera Dalam Lukisan* karya Abd. Talib Hassan
 - (viii) *Kabus di Perbukitan* karya Muhamad Kholid Hamzah
- (a) Teknik plot dalam sesebuah novel memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan karya yang menarik.

Jelaskan **dua teknik plot** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari. [7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan persamaan pengajaran yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/2© 2014 Hak Cipta MPSM Kuantan

(Percubaan)
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
September 2014
2 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2014

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan Pahang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangandan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

3. KRITERIA PENSKORAN

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan [30 markah]

PERINGKAT / MARKAH	KRITERIA PENSKORAN
CEMERLANG (28 – 30)	<ul style="list-style-type: none">○ Karangan menepati tugasan bahan rangsangan.○ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.
(26 – 27)	<ul style="list-style-type: none">○ Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik.○ Pengolahan menarik, berkesan, dan idea dihuraikan dengan jelas dan matang.

<p>KEPUJIAN</p> <p>(23 – 25)</p> <p>(20 – 22)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Karangan menepati tugasan bahan rangsangan. ○ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas. ○ Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. ○ Pengolahan menarik dan berkesan. ○ Idea relevan dengan tugas dan diuraikan dengan jelas.
<p>MEMUASKAN</p> <p>(17 – 19)</p> <p>(15 – 16)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Karangan masih menepati tugasan bahan rangsangan. ○ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum. ○ Wacana masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. ○ Pengolahan masih menarik. Huraian idea masih jelas.
<p>KURANG MEMUASKAN</p> <p>(12 – 14)</p> <p>(10 – 11)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Karangan masih / kurang menepati tugasan bahan rangsangan. ○ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. ○ Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. ○ Pengolahan kurang menarik. Huraian idea kurang jelas.
<p>PENCAPAIAN MINIMUM</p> <p>(06 – 09)</p> <p>(01 – 05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ○ Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. ○ Pengolahan : Calon tidak menjawab tugas.

- **Ungkapan Menarik** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
- Kemungkinan – melangkaui peringkat (lihat pemberatan dalam peringkat)

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU
KERTAS 1 (1103/1)**

BAHAGIAN B

PERINGKAT / MARKAH	KRITERIA PENSKORAN
<p>CEMERLANG</p> <p>80 – 100</p> <p>(90 – 100)</p> <p>(80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. ○ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ○ Ejaan dan tanda baca yang betul. ○ Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. ○ Laras bahasa sesuai dengan tugas. ○ Penggunaan unsur bahasa bervariasi. ○ Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. ○ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai, ○ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
<p>KEPUJIAN</p> <p>66 – 79</p> <p>(73 – 79)</p> <p>(66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ○ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ○ Ejaan dan tanda baca yang betul. ○ Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ○ Laras bahasa sesuai dengan tugas. ○ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.

	<ul style="list-style-type: none"> ○ Gaya bahasa <u>masih</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. ○ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai, ○ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
<p>BAIK</p> <p>51 – 65</p> <p>(58 – 65)</p> <p>(51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea <u>masih</u> relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ○ Penggunaan kosa kata <u>umum</u>. ○ Ejaan dan tanda baca <u>masih</u> betul. ○ Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ○ Laras bahasa sesuai dengan tugas. ○ Penggunaan unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. ○ Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. ○ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan masih sesuai, ○ Wacana masih lengkap.
<p>MEMUASKAN</p> <p>36 – 50</p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea <u>masih</u> relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. ○ Penggunaan kosa kata <u>umum</u> dan terhad. ○ Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ○ Ayat kurang gramatis. ○ Laras bahasa kurang sesuai.

	<ul style="list-style-type: none"> ○ Penggunaan unsur bahasa <u>kurang</u> bervariasi. ○ Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. ○ Pengolahan kurang menarik. ○ Wacana masih / kurang lengkap.
<p>KURANG MEMUASKAN</p> <p>21 – 35</p> <p>(28 – 35)</p> <p>(21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea <u>masih</u> relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ○ Penggunaan kata kurang tepat. ○ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ○ Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. ○ Unsur bahasa tidak bervariasi. ○ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. ○ Pengolahan tidak menarik. ○ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sembiang.
<p>PENCAPAIAN MINIMUM</p> <p>01 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ○ Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ○ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ○ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. ○ Pengolahan tidak menarik. ○ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sembiang serta tidak sesuai. ○ Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

4.0 CARA MENANDA KESALAHAN ISI, EJAAN DAN TANDA BACA

- () - Kesalahan isi
- - Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / - Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // - Kesalahan ejaan yang berulang
- - Kesalahan tanda baca

5.0 CARA MENULIS MARKAH

Kepujian	K	=	75
	E	=	- 1
			<hr/>
			74
			<hr/>

ATAU

Kepujian	K	=	75
	E	=	- 1
	F	=	- 2
			<hr/>
			72
			<hr/>

**SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2012
TINGKATAN 4**

BAHAGIAN A :

Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor kejayaan seseorang usahawan.

Cadangan idea:

1. Berusaha gigih
2. Penguasaan Ilmu Pengetahuan
3. Modal yang mencukupi

BAHAGIAN B :

- 1 Sambutan Hari Ibu diadakan pada setiap tahun demi menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Sebagai anak yang penyayang, jelaskan usaha-usaha yang anda lakukan untuk menzahirkan rasa kasih sayang tersebut..

Contoh Isi

- a. *Menghormati ibu sepanjang masa*
- b. *berdoa*
- c. *menghantar ibu tunaikan fardu haji/umrah*
- d. *sentiasa menghubungi ibu jikalau berjauhan*
- e. *menziarahi ibu apabila ada ewaktu terluang*
- f. *Isi-isi lain yang difikirkan sesuai*

- 2 Kemalangan jalan raya masih menunjukkan statistik yang membimbangkan. Selaku pegawai di jabatan pengangkutan jalan, anda diminta menyampaikan sebuah ceramah kepada golongan belia di tempat anda. Tajuk ceramah tersebut ialah “Kemalangan Jalan raya berpunca daripada Sikap Pemandu itu Sendiri”.

Sediakan teks ceramah itu selengkapnya.

- i. Format : Ceramah
Dua markah akan dipotong jika tiada;
- | | |
|--|----|
| Kata alu-aluan | 1m |
| Kata Sapaan
(cth: tuan/puan di tengah-tengah) | 1m |
| Penutup (Cth Terima kasih) | 1m |
- (maksimum 2 markah)

Contoh Isi

- Tidak memeriksa kenderaan secara berkala*
- mengantuk*
- mabuk*
- tidak mematuhi peraturan dan papan tanda*
- penggunaan telefon bimbit semasa memandu*
- menjadikan jalan raya sebagai medan perlumbaan*
- Panas baran/pantang dicabar*

- 3 Dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di seluruh negara, aspek keselamatan murid sekolah diutamakan melalui pelaksanaan Program Sekolah Selamat.

Pada pendapat anda, nyatakan kebaikan-kebaikan pelaksanaan program tersebut.

Contoh Isi

- Pelajar rasa selamat*
- Pelajar rasa dihargai dan disayangi*
- Ibu bapa tidak risau*
- Mengurangkan masalah buli*
- Wujud perasaan sayang kepada sekolah*
- Mewujudkan perasaan kepunyaan sekolah*

Peribahasa

- *Bagai menatang minyak yang penuh*
- *Sekolahku Syurgaku*
- *Datang dengan harapan, pulang degan kejayaan*

- Sekolah rumah kedua
- 4 Dalam usaha memburu kemewahan hidup, segelintir remaja didapati terjebak dalam kegiatan keldai dadah pada peringkat antarabangsa

Pada pendapat anda mengapakah fenomena tersebut berlaku?

Contoh Isi

- a. Memburu kemewahan hidup
- b. Terpedaya dengan janji-janji manis
- c. Tidak menyedari diri mereka diperalatkan
- d. Ingin cepat jadi kaya
- e. Peluang untuk melancong dan berseronok di luar negara
- f. Ada sifat ingin menunjuk-nunjuk dan bersaing sesama rakan sebaya

Peribahasa

- *Sambil menyelam minum air*
- *Sepadai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua*
- *menanam tebu di bibir sahaja*
- *lembut gigi dari lidah*
- *telunjuk lurus kelingking berkait*

- 5 Membaca karya-karya sastera boleh membentuk jati diri seseorang.

Bincangkan faedah-faedah yang diperolehi daripada pembacaan karya-karya tersebut.

Contoh Isi

- a. menambahkan nilai-nilai murni dan pengajaran
- b. menambahkan pengetahuan
- c. memperkaya penguasaan bahasa
- d. mengurangkan stres
- e. hiburan
- f. menjadikan seseorang lebih matang

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2014

BAHASA MELAYU

Kertas 2

TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Soalan 1 : Rumusan
KOMBINASI ISI TERSURAT DAN TERSIRAT DALAM RUMUSAN

S	6 [12M]	5 [10M]	4 [8M]	3 [6M]	2 [4M]
T	2 [4M]	3 [6M]	4 [8M]	5 [10M]	6 [12M]

Skema Jawapan:

Pendahuluan:

Petikan membincangkan langkah-langkah/inisiatif/prakara-prakarsa/ cara-cara/ menyuburkan amalan budi bahasa dalam kalangan rakyat/masyarakat/di Malaysia.
-2m

Petikan membincangkan langkah-langkah/inisiatif-inisiatif/prakara-prakarsa/ cara-cara/ menyuburkan amalan budi bahasa -1m

Isi Tersurat:

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menggerakkan semula kempen Rumahku Syurgaku
2. Pelbagai pihak mesti meneruskan usaha menyemai sikap positif dalam kehidupan seharian mereka
3. Kempen yang telah dan sedang digerakkan di negara kita mesti dihayati dan dipraktikkan
4. Televisyen perlu lebih banyak menyiarkan rancangan bercorak keagamaan, moral dan mengurangkan rancangan hiburan melampau serta filem ganas
5. Iklan mengenai peri pentingnya budi bahasa, nilai murni dan hubungan baik antara masyarakat mesti dipertingkatkan
6. Ibu bapa mesti memainkan peranan lebih aktif memantau anak remaja mereka
7. Pengukuhan dalam pendidikan akademik sangat penting untuk anak-anak.
8. Pelbagai aktiviti luar mesti diperbanyak pihak sekolah
9. Golongan muda mesti mempunyai rasa hormat terhadap persekitaran di sekeliling mereka

Isi Tersurat

Kekangan yang dihadapi (menyuburkan amalan berbudi bahasa)

1. Pengaruh media massa/ televisyen/ Internet terhadap masyarakat/remaja
 2. Keretakan institusi keluarga/ibu bapa bercerai/pegaduhan/pegolongan dalam rumah tangga
 3. Pengaruh rakan sebaya
 4. Leka dengan teknologi terkini/moden (gajet)
- (Terima isi-isi lain yang sesuai. Pastikan isi tidak setara)**

Penutup:

Kesimpulannya, budi bahasa haruslah menjadi amalan dalam kehidupan setiap insan agar/supaya keharmonian masyarakat/negara terpelihara.

(a) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 - 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum ; 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Jawapan 2 (a) - Pemahaman Teks.

i) menepati aspirasi – memenuhi/mematuhi/ & wawasan / cita – cita. [2 markah]

ii) Tiga kempen yang dapat membuktikan keprihatinan kita terhadap amalan baik dalam hidup bermasyarakat.

- Kempen Cintailah Sungai Kita menggalakkan masyarakat memelihara kelestarian sungai
- Budi Bahasa Budaya Kita pula memupuk masyarakat hidup makmur
- Masyarakat Penyayang membentuk masyarakat toleransi [3 markah]

iii) Kepentingan nilai-nilai budi bahasa dalam pembangunan sesebuah negara

- kemakmuran/keamanan negara kerana rakyat saling menghormati (aman)
- peningkatan sektor ekonomi kerana rakyat berdaya maju saling membantu/kos pemulihan dapat dikurangkan (ekonomi)
- peningkatan sektor pelancongan melalui tarikan kesejahteraan negara (tarikan pelancong)
- imej/maruah negara dipandang tinggi hingga dikagumi masyarakat asing (maruah)

[4 markah]

(Isi cukup : 2)

Soalan 2(b) – Pemahaman drama.

(i) Emak menangis:

- Dolah mengebumikan emaknya di tempat yang kotor di bawah rumah
- badan emaknya tidak reput
- tanah bernajis

Isi cukup: 2

[2 markah]

(ii) Peranan ibu:

- memberi pendidikan agama kepada anak-anak
- memberi kasih sayang
- menyediakan keperluan asas
- membantu anak-anak menyelesaikan masalah
- memantau pergerakan anak-anak.

Isi cukup:3

[3 markah]

(iii) Nilai dalam petikan:

- kasih sayang:Dolah sayang kepada ibunya

Nilai dalam keseluruhan drama:

- ketaatan .Contoh: Siti Rahimah taat kepada arahan suaminya Dolah.
- keinsafan. Contoh: Dolah insaf atas perbuatannya.
- kesabaran. Contoh:Soud meminta Dolah agar bersabar dengan hinaan orang kampung

[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

- (i) Berika maksud *saya disuruh menegahkan*. [2 markah]
- Daeng Mataku dititahkan / diperintahkan menghalang
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, jelaskan mengapakah Opu Daeng yang berlima bersaudara akan tetap masuk ke dalam kota Panembahan Agung walaupun terpaksa menggunakan senjata? [3 markah]
- Pada bulan lalu beliau telah masuk ke dalam kota bersama-sama Sultan Muhammad Zainuddin untuk memohon maaf tetapi tidak diterima
 - Mereka ditonggongkan / ditenggekkan
 - Diarahkan meninggalkan negeri itu pada waktu itu juga / segera / tidak boleh ditangguhkan
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu taat kepada pemimpin? [4 markah]
- Mengekalkan keamanan negara
 - Memenuhi tuntutan agama
 - Mengelakkan perpecahan umat / kaum / masyarakat
 - Mencapai taraf negara maju
- Jawapan lain yang sesuai. [1 isi, 1 markah]

Soalan 2 (d) – Gurindam

- (i) Berikan maksud **rangkap kedua** gurindam tersebut. [2 markah]
- Cadangan agar belajar dengan guru yang benar-benar berilmu

(ii) Rangkap pertama gurindam memberi nasihat cara mencari sahabat.
Jika anda ingin mencari sahabat, apakah ciri-ciri sahabat sejati yang menjadi pilihan anda? [3 markah]

- Akhlak terpuji
- Rajin menuntut ilmu
- Membantu ketika dalam kesusahan
- Menghormati orang tua
- Mendorong mencapai kejayaan duni dan akhirat
- Jawapan lain yang sesuai

(Isi cukup : 3)

(iii) Huraikan dua persoalan yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

- Kepentingan mencari kawan yang baik. Seorang yang boleh dijadikan kawan boleh membantu ketika dalam kesusahan .
- Kepentingan berguru dengan seseorang yang berilmu. Guru yang dicari betul-betul menguasai bidang ilmu yang disampaikan kepada kita.
- Mencari isteri yang baik. Hendaklah mencari isteri yang menyerahkan jiwa raganya dan khidmat baktinya kepada suami.
- Mencari kawan seorang yang setia. Contohnya kawan yang tidak mengkhianati kita.

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagi kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

(a) Binaan ayat

- (i) **pusar** - *pusar-pusar* rambut yg merupakan *lingkaran* (di kepala dll), *kisaran* angin, *olak air*, dll.
- (ii) **pusaran** - *sesuatu* yg *berpusar*, *barang* apa yg *berpusar*; 2. *gerakan* *berpusar*, *kisaran*, *pusingan*, *putaran*: *kelasi-kelasi* berdayung *menghindarkan* diri dr ~ *air kapal* yg akan tenggelam; ~ *angin* *kisaran* *angin*; ~ *telefon* *putaran* *telefon*.
- (iii) **pecah-berbelah-belah** menjadi *kecil-kecil* (*benda* *keras*): *pinggan* itu terlepas dr tangannya lalu ~; *duit* (*wang*) ~ *duit* *kecil*; 2. *retak* atau *merekah* (*kulit*, *bibir*, dll): *penyakit* itu menyebabkan *kulit* menjadi ~~~; *bibir* *orang* *tua* itu ~~~; 3. *terbelah* *kulitnya* hingga *terkeluar* *isinya* (*bisul*, *telur*, dll): *bisulnya* tidak juga ~; 4. *menjadikan* *bergumpal-gumpal* dan *cair* (*susu* atau *santan* yg *basi*); 5. *tersebar* (*khobar*, *rahsia*, dll): *tiba-tiba* ~ *khobar* mengatakan *askar-askar* *Jepun* telah *masuk*; *disuruhnya* *orang* *kepercayaan* supaya tidak ~ *rahsia* itu; 6. *bermula* (*perang*, *darurat*, dll): *harga* *getah* *meloncat* *naik* apabila ~ *perang* *Korea*; 7. *sl* *kalah*: *maka* *segala* *rakyat* *Ghori* *pun* ~ *perangnya* *lalu* *lari*; 8. *menggeletar* (*bunyi*); 9. = *berpecah* *berpisah-pisah*, *tidak* *bersatu* *lagi*: *persatuan* itu ~ menjadi *beberapa* *badan* *kecil*; 10. *sl* *cerai-berai*, *bersurai*: *maka* *segala* *rakyat* *Pasai* *pun* *habis* ~, *lari* *cerai-berai* dgn *banyak* *matinya*; ~ *amanah* *perbuatan* *menyia-nyiakan* atau *melanggar* *amanah*; ~ *bau* *merata* (*tersebar*) *baunya*; ~ *daun* *KI* *keluar* *daun*; ~ *hati* *tawar* *hati*; ~ *kepercayaan* *hilang* *kepercayaan*; ~ *keringat* (*peluh*) *keluar* *peluhnya*; ~ *minyak* *keluar* *minyak* (*masakan*); ~ *perang* a) *mula* *terbit* *peperangan*; b) *sl* *kalah* *perang*; ~ *perut* *berasa* *sakit* *perut* *kerana* *terlalu* *banyak* *ketawa*; ~ *rumah* *memasuki* *rumah* *utk* *merompak*; ~ *tembelang* *terbuka* *rahsia*; ~ *bunyi* (*tepi*) *buruk* *berita* *prb* *Mn* *kejadian* *yg* *kecil* *diperbesar* *orang* *ke* *sana* *sini*; ~ *kapi* *putus* *suai* *prb* *sesuatu* *yg* *tidak* *dapat* *diperbaiki* *lagi*; ~ *menanti* *sebab*, *retak* *menanti* *belah* *prb* *hanya* *menanti* *masa* *utk* *membalas* *dendam* *dll*;
- (iv) **pecahan**-*sesuatu* yg sudah *pecah* atau *dipecahkan*, *bahagian* yg sudah *dipisahkan* dsb drpd *sesuatu* yg *lain* atau yg *lebih* *besar* atau *lengkap*: ~ *kaca* *berselerak* di *tempat* *pergaduhan* itu *berlaku*; ~ *bom*; *lihat* *Rajah* 2 *utk* *melihat* ~ *tajuk*; 2. *angka* (*bilangan*) yg *bukan* *angka* *bulat* (spt $1/2$, $2/3$, dll); ~ *berulang* = ~ *repeten* *pecahan* *persepuluhan* yg *bilangan* *seluruhnya* atau *sebahagiannya* *selalu* *berulang-ulang*; ~ *biasa* *pecahan* yg

pengatasnya lebih kecil drpd pembawahnya (spt 3/4); ~ janggal pecahan yg pengatasnya sama atau lebih besar drpd pembawahnya (spt 8/8, 11/8, dll); ~ perpuluhan = ~ persepuluhan Id pecahan yg menggunakan titik perpuluhan (spt 0.5, 0.8, dll).

- (v) **punggah**-angkat mengangkut;
- (vi) **punggahan**-1. tempat memunggah barang-barang; 2. muatan yg sudah dipunggah: menerima ~ dr kapal;
- (disalin dan ditampal daripada Kamus Dewan Edisi Empat)

[6 markah]

(b) **Gabungkan ayat-ayat tunggal** di bawah supaya menjadi **satu ayat majmuk**.

- (i) *Nabila termenung di tepi jendela **apabila** teringat kisah silam.*
- (ii) *Kejayaan kajian itu hasil usahasama **dan** kegigihan semua pihak.*
- (iii) *Ibu sedang memanaskan gulai kambing **manakala** kakak membasuh pakaian kotor.*
- (iv) *Syukran tidak pergi ke padang bola **sebaliknya** menonton televisyen di rumah.*
- (v) *Farah ingin membeli komputer riba baharu **atau** membeli telefon tangan baharu ?*
- (iv) *Walaupun kerajaan telah memberi amaran tegas kepada pemilik kenderaan persendirian supaya memasang tali pinggang keselamatan ketiga tetapi ramai pemilik tersebut masih engkar.*

[6 markah]

Jawapan 3 (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan.

- (i) nasionalisma – nasionalisme
puluh – puluhan
- (ii) dailek – dialek
kegunaan – penggunaan
- (iii) jawatan kuasa - jawatankuasa
menghadkan - mengehadkan

[6 markah]

Jawapan 3 (d) Kesalahan penggunaan kata, istilah atau tatabahasa

- (i) meninggalkan - mengosongkan
para hadirin - hadirin

- (ii) membaiki - menangani
 Pengetua Sekolah – Pengetua Sekolah - Pengetua-pengetua sekolah
- (iii) memasuki - menyertai
 setengah pelajar - sesetengah / setengah-setengah

Jawapan 3 (e)

- (i) ada gula ada semut
 (ii) di mana bumi dipijak , di situ/di sana langit dijunjung / di mana bumi diinjak, di sana langit dijunjung / masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
 (iii) kaduk naik junjung / bagai kaduk naik junjung

Soalan 4 : Novel

Markah penuh : 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 ii) Beri 2 markah bagi setiap sebab yang lengkap/jelas
 iv) Beri 1 markah bagi sebab yang kurang lengkap/kurang jelas
 v) Markah isi maksimum 4 markah
 vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
 vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
- | | |
|-----------|------------|
| Baik | : 3 markah |
| Sederhana | : 2 markah |
| Lemah | : 1 markah |
- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[markah maksimum 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap

<http://edu.joshuatly.com/>
<facebook.com/edu.joshuatly>

- iii) Beri 1 markah untuk satu persoalan bagi setiap novel
- iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap novel
- v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[maksimum : 8 markah]

(a) Teknik plot

(i) **Novel Renyah karya Gunawan Mahmood**

Teknik	Contoh peristiwa
Dialog	Perbualan Datuk Dolhi dengan Datin Tominah mengenai anak-anak mereka yang tidak mahu mewarisi perniagaan Datuk Dolhi. <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Imbas kembali	Datuk Dolhi teringat akan isteri keduanya Mastura ketika dalam penerbangan ke Jepun. <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Imbas muka	Datuk Dolhi mengharapkan salah seorang anaknya akan mewarisi empayar perniagaannya dan diakhir cerita anaknya Wahi telah dilantik menggantikan Datuk Dolhi. <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Pemerian	Datuk Dolhi terbayang wajah anaknya yang berjubah dan berserban. Janggut dan misai meliar seperti musafir. <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Suspen	Amera pergi ke Kelab Mawar untuk bertemu peminat misteri misterinya. <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Kejutan	- Pengakuan Datuk Dolhi bahawa Wahi merupakan anak kandungnya hasil perkahwinan dengan isteri keduanya Mastura - Datuk Dolhi terkejut apabila apabila diberitahu Mukhlis sudah menikah tanpa memberitahunya. <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Monolog	"Macam-macam idea su Wahi ni," bisik Datuk Dolhi (m/s.65) <ul style="list-style-type: none"> • (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)

(ii) **Sutera Dalam Lukisan karya Abd Talib Hassan**

Teknik	Contoh peristiwa
Dialog	Perbualan antara Adila dengan Bujei. Adila bertanyakan tentang latar belakang Bujei. <ul style="list-style-type: none">• (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Imbas kembali	Bujei teringat peristiwa ibunya yang terkorban dalam kebakaran, apabila rumah mereka terbakar disebabkan oleh pelita minyak tanah yang ditendang oleh bapa tirinya Harun. <ul style="list-style-type: none">• (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Imbas muka	Adila yakin Bujei yang dianggap gila oleh orang kampung mampu dipulihkan menjadi manusia normal dan di akhir cerita Bujei telah menjadi pemuda normal. <ul style="list-style-type: none">• ((terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Pemerian	- Anak sungai itu tidak begitu lebar. Hanya lebih kurang sembilan meter jarak antara dua belah tebing, tidak dalam dan agak cetek airnya. - Dengan parang sumbing yang tidak pernah berasah, perut ikan dibelahnya dan dengan air sungai yang keruh itu juga dia membasuhnya. <ul style="list-style-type: none">• (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Suspen	Orang kampung gempar apabila Alias menyangka Hafiz memegang bom lalu memberitahu orang kampung sedangkan benda tersebut hanyalah putik nanas. <ul style="list-style-type: none">• (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)
Kejutan	- Bujei berani memaksa Alias membayar ganti rugi kerana Alias dengan sengaja telah merosakkan radio baharu Bujei sedangkan sebelum ini Bujei sangat takut kepada Alias. <ul style="list-style-type: none">• (terima contoh peristiwa lain yang sesuai)

4(b) Perbandingan Persamaan Novel

Bil	Persamaan Pengajaran	Renyah	Sutera Dalam Lukisan
1	Kita hendaklah tabah menempuh cabaran dalam kehidupan	Datuk Dolhi tabah menghadapi kerenah anak-anaknya yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti Mukhlis terjebak dengan ajaran sesat.	Bujei dihina oleh masyarakat kampungnya tetapi tidak mempedulikan ejekan mereka untuk terus hidup.
2	Kita haruslah gigih dalam menuntut ilmu	Datuk Dolhi gemar membaca buku-buku yang boleh membantunya membina empayar perniagaannya.	Adilah merupakan seorang yang berpendidikan tinggi kerana telah menamatkan pengajian dari universiti luar negara.
3	Kita perlu menyayangi anggota keluarga dengan membantu mereka ketika dalam kesusahan	Datuk Dolhi dan Datin Tuminah membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi anak-anaknya kerana sayang akan mereka. Misalnya menghantar Dani untuk menerima pemulihan daripada penagihan dadah.	Bujei berkeras untuk menyelamatkan ibunya ketika rumah mereka terbakar angkara perbuatan Harun menyepak pelita di rumah mereka.
4	Janganlah kita terlibat dengan masalah sosial/jenayah/perbuatan melanggar undang-undang	Hasnol menerima rasuah daripada Tengku Munir untuk hidup mewah bersama-sama keluarganya.	Alias dan Sahak terlibat dengan perlumbaan motosikal secara haram sehinggakan Sahak cedera parah.
5	Kita perlulah berani menerima cabaran yang diterima dalam hidup	Wahi menerima pelantikan untuk menguruskan syarikat	Bujei berani mempersembahkan lagu "Bahtera Merdeka" atas

		bapanya serta berhadapan dengan Datuk Albert	permintaan seseorang sehingga mempersonakan orang-orang kampung.
--	--	--	--